

BILANGAN 20 SATU ORANG, SEORANG DAN SESEORANG

Status pekerjaan atau pendidikan seseorang
 "Perkahwinan adalah satu perkara yang cukup peribadi.
 Status seorang bukan penentu kejayaan atau kegagalan sesebuah
 perkahwinan." Apa yang penting seseorang Wanita Melayu
 Baru itu lebih mementingkan ciri-ciri positif yang ada pada lelaki
 pilihannya. Mereka melihat hubungan dan perkahwinan dari
 sudut yang lebih luas.

Perkahwinan adalah **satu** perkara yang cukup peribadi. Status **seorang** bukan penentu kejayaan atau kegagalan **sesebuah** perkahwinan. Apa yang penting **seseorang** wanita Melayu Baru itu lebih mementingkan ciri-ciri positif yang ada pada lelaki pilihannya.....

Satu orang, seorang dan seseorang itu mempunyai unsur bilangan. **Satu orang** seperti **satu perkara** dalam petikan di atas bermaksud telah ditentukan bilangan; yakni tidak lebih dan tidak kurang daripada bilangan yang dinyatakan.

- 01 **Satu orang** sahaja yang akan dilantik sebagai bendahari persatuan itu.
- 02 Rumah yang besar itu didiami **satu orang** sahaja.

Seorang pula dikatakan mengalami awalan **se** yang bermaksud satu dan biasanya dianggap sebagai penjodoh bilangan untuk menjadi semacam penerang kepada kata nama.

- 03 **Seorang** pramugari syarikat penerbangan itu telah didakwa menyeludup dadah.
- 04 **Seorang** askar telah terbunuh dalam pertempuran itu.
- 05 Dia berada di dalam kamar itu **seorang** diri.
- 06 **Seorang** sahaja dibenarkan masuk untuk menemui pemimpin itu.

Sementara **seseorang** pula bermaksud **seorang** (daripada bilangan yang ramai) yang tidak dapat dipastikan orangnya atau bilangannya.

- 07 **Seseorang** calon hendaklah lulus bahasa ibundanya dengan cemerlang.
- 08 **Seseorang** akan dianggap pemimpin berjiwa rakyat jika kebajikan rakyat diutamakan.
- 09 Dia hendak menemui **seseorang** di stesen kereta api MRT itu.
- 10 Seseorang anggota yang memburukkan nama baik persatuan akan digugurkan keanggotaannya.

Bagaimanakah dengan penggunaan satu perkara, status seorang, sesebuah perkahwinan dan seseorang wanita dalam petikan di atas? Cuba anda huraikan.